

MEMORANDUM DEPOSIT
RESIT DEPOSIT TETAP

CIMB Bank Berhad (No. Syarikat 13491 – P)

.....
.....
.....

.....20.....

Sebagai balasan anda sudi memberikan, bersetuju memberikan atau berterusan memberikan sebarang kemudahan kredit dan/atau mana-mana kemudahan perbankan, atas permintaan saya/kami, selagimana anda fikirkan sesuai kepada (selepas ini akan dirujuk sebagai “Peminjam”), Saya/Kami yang beralamat di..... melalui cagaran berterusan dengan ini menggadaikan kepada anda kesemua wang yang terdapat/tersedia untuk kredit deposit tetap yang dirujuk dalam jadual disini dalam nama saya/kami (“deposit tetap tersebut”) sebagai cagaran berterusan untuk pembayaran kepada anda, atas permintaan, terhadap kesemua dan/atau apa-apa liabiliti/tanggunggan Peminjam di bawah mana-mana kemudahan perbankan dan/atau akaun dengan anda, dan/atau sebarang wang yang terhutang oleh Peminjam kepada anda buat masa sekarang atau kemudian dari ini, berserta faedah dan kesemua caj lain sehingga tarikh pembayaran.

Saya/Kami bersetuju bahawa selagi mana cagaran ini masih berterusan/dikuatkuasakan, Saya/Kami tidak berhak mengeluarkan kesemua bahagian atau mana-mana bahagian deposit tetap tersebut atau apa-apa faedah yang berakru / perlu dibayar kepada deposit tetap tersebut, kecuali dengan mendapat kebenaran secara bertulis daripada anda terlebih dahulu.

Saya/Kami bersetuju bahawa anda boleh mengikut budi bicara anda memperbaharui deposit tetap tersebut berserta faedah yang terdapat padanya dan deposit yang telah diperbaharui berserta faedah yang terdapat padanya pada tarikh matang, tempoh masa untuk pembaharuan adalah tertakluk kepada budi bicara pihak anda, dan menyimpan resit-resit deposit yang telah diperbaharui sebagai cagaran berterusan dengan cara yang sama sepertimana resit-resit deposit asal, untuk semua wang yang terhutang oleh Peminjam sehingga satu masa dimana keseluruhan jumlah prinsipal/utama dan faedah yang terakru atas wang yang terhutang telah dibayar keseluruhannya termasuk semua caj.

Saya/kami bersetuju untuk melakukan semua perbuatan, tindakan, dan perkara termasuklah menyempurnakan dan menandatangani notis tersebut, endorsemen, dan dokumen yang mungkin diperlukan oleh anda, semasa penguatkuasaan cagaran ini.

Saya/Kami bersetuju bahawa anda mempunyai kebebasan mutlak tanpa perlu memberikan sebarang notis kepada saya/kami, untuk mengangkat dan/atau mengeluarkan deposit tetap tersebut dan/atau untuk mengaplikasikan hasil daripada deposit tetap tersebut, dalam atau terhadap pelepasan mana-mana jumlah yang masih terhutang kepada anda oleh Peminjam.

Saya/Kami bersetuju bahawa anda tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang berlaku kepada saya/kami disebabkan oleh pelaksanaan hak-hak anda termasuk (tanpa had) sebarang kerugian kepentingan.

Saya/Kami bersetuju bahawa pernyataan yang ditandatangani oleh salah seorang pegawai anda mengenai jumlah yang pada ketika ini merupakan hutang atas akaun Peminjam adalah muktamad dan bukti yang kukuh untuk sebarang tujuan.

Saya/Kami disini bersetuju bahawa apa-apa notis bertulis yang perlu disampaikan di bawah ini dianggap sebagai diserahkan dengan baik sekiranya dialamatkan kepada saya/kami di alamat di atas.

Saya/kami dengan ini mengesahkan bahawa isi kandungan Memorandum Deposit ini telah dibaca dan diterangkan kepada saya/kami dalam bahasadan Saya/Kami telah memahami isi kandungan dan kesan daripadanya dan Saya/Kami menandatangani dokumen ini dengan rela hati/secara sukarela.

Disaksikan oleh:

Yang benar

1)

2)

(Tandatangan penyimpan)

JADUAL

No. Resit Deposit Tetap	Tarikh Dikeluarkan	Nama Penyimpan (Penyimpan- penyimpan)	Jumlah	Kadar Faedah	Tarikh Matang